

## **PERTINDIHAN TUNTUTAN DI DALAM KES ND6 DAN ND7: SUATU PROSPEK PENYELESAIAN PERTIKAIAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA**

Muhamad Sayuti Hassan @ Yahya  
sayuti@fsk.upsi.edu.my

### **Abstrak**

Konflik tuntutan bertindih antara Malaysia dan Indonesia ke atas kemewahan Blok ND6 dan ND7 yang terletak di Laut Sulawesi sehingga kini masih berlarutan dan belum menemui penyelesaiannya. Sehubungan itu, kajian ini telah mengenal pasti dan menganalisis isu-isu yang berkaitan dan seterusnya mencadangkan penyelesaian yang terbaik untuk kemelut ND6 dan ND7 antara Malaysia dan Indonesia. Kajian ini mengambil pendekatan kualitatif disamping mengambil kira pelbagai faktor lain seperti geo-politik dan hubungan antarabangsa kerana dasar undang-undang antarabangsa itu sendiri adalah hasil campuran teori undang-undang dan juga politik antarabangsa. Dalam mencapai objektif tersebut, kajian ini menekankan kupasan terhadap isu dan penyelesaian di bawah undang-undang antarabangsa. Kajian ini mendapati bahawa Malaysia dan Indonesia mempunyai justifikasi yang tersendiri dalam menuntut hak kedaulatan yang terdapat di pelantar benua ND6 dan ND7. Undang-undang mengenai penyelesaian pertikaian adalah jelas dengan wujudnya pelbagai medium untuk menyelesaikan pertikaian ini. Walau bagaimanapun, undang-undang tidak boleh memaksa kedua-dua pihak ini untuk menyelesaikan pertikaian ini dengan segera kerana wujudnya faktor-faktor seperti perbatasan undang-undang, hambatan politik antara kedua-dua belah pihak, kekangan isu teknikal di Laut Sulawesi dan kegagalan untuk bertoleransi menyebabkan kemelut ini gagal diselesaikan melalui undang-undang yang sedia ada dengan segera. Oleh yang demikian, suatu cadangan yang bersifat adil dan saksama berlandaskan konsep ekuiti adalah perlu bagi menamatkan kemelut ini. Kajian ini cenderung kepada cadangan pembangunan bersama kerana lebih bersifat diplomasi dan merupakan keputusan menang-menang walaupun cadangan penyelesaiannya adalah bersifat sementara. Malahan cadangan ini seterusnya akan memudahkan proses penetapan perbatasan maritim antara kedua-dua negara ke atas pelantar benua berkenaan. Walau bagaimanapun, penetapan had perbatasan sempadan maritim dan pelantar benua di Laut Sulawesi merupakan suatu langkah yang akan menamatkan konflik ini secara kekal. Oleh itu, dapatan dan cadangan kajian ini diharap berupaya membuka jalan dan membantu kedua-dua negara untuk menyelesaikan konflik pertikaian ini.

## **OVERLAPPING CLAIM IN THE CASE OF ND6 AND ND7: PROSPECT FOR DISPUTE RESOLUTION UNDER INTERNATIONAL LAW**

Muhamad Sayuti Hassan @ Yahya  
sayuti@fsk.upsi.edu.my

### **Abstract**

The conflict on the overlapping claims between Malaysia and Indonesia on the luxury Block ND6 and ND7, located in the Celebes Sea, still persist to date. Thus the purpose of this study is to identify and analyse the relevant issues and to propose the best solution to the crisis ND6 and ND7 between Malaysia and Indonesia. The conflict was investigated through qualitative approach, while taking into account other factors such as geo-politics and international relations. Aspects on international relation are unavoidable as it is a mix of legal theory and international politics. In achieving these objectives, the study emphasizes on the issues and the dispute resolutions under international law. This study indicates that Malaysia and Indonesia has its own justification in claiming sovereign rights in the ND6 and ND7 (continental shelf). The law on dispute resolution is clearly by the existence of a variety of mediums to resolve this dispute. However, the law cannot force the parties to resolve the dispute promptly due the frontiers of law, political barriers between the two parties, the constraints of technical issues in the Sulawesi Sea and the failure to tolerate between both governments. A proposal which is fair and equitable based on the concept of equity is necessary to end this crisis. This study inclines to the proposed joint development because it is more diplomacy and it is a win-win result although the proposed solution is temporary. The findings of this study could further facilitate the process of delimiting the maritime border between the two countries on the continental shelf. However, delimitation of maritime border on the continental shelf boundary in the Celebes Sea is seen as the best solution that would end the conflict permanently. Thus, it is hoped that this study can pave the way and help the two countries to resolve this conflict.